



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65

10hb Mei 2012

No. 10

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

No. 739.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS KEDUA

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual menjadi Majistret Kelas Dua di dalam dan bagi Negeri Perak berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2).

JADUAL

(1)

(2)

Y.Bhg. Datin Fauziah @ Siti Khadijah binti
Talib

19 Ogos 2009

Penolong Pegawai Undang-Undang

(Gred L29)

Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh

Encik Kamarulamir bin Kasim

20 Disember 2010

Penolong Pegawai Daerah

(PTD Gred M41)

Pejabat Daerah Dan Tanah Raub

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1292

[10hb Mei 2012]

(1)

Y.M. Tengku Azuddin Shah bin T. Alang
Penolong Pegawai Daerah
(PTD Gred M41)
Pejabat Daerah Dan Tanah Raub

Encik Anas bin Mohd Yusof
Penolong Pegawai Daerah
(PTD Gred M41)
Pejabat Daerah Dan Tanah Raub

(2)

24 April 2009

20 Disember 2010

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], the State Authority has appointed the persons specified in column (1) of the Schedule to be Second Class Magistrates in and for the State of Pahang with effect from the dates specified in column (2).

SCHEDULE

(1)

Y.Bhg. Datin Fauziah @ Siti Khadijah binti Talib
Penolong Pegawai Undang-Undang
(Gred L29)
Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh

Encik Kamarulamir bin Kasim
Penolong Pegawai Daerah
(PTD Gred M41)
Pejabat Daerah Dan Tanah Raub

(2)

19 August 2009

20 December 2010

Y.M. Tengku Azuddin Shah bin T. Alang
Penolong Pegawai Daerah
(PTD Gred M41)
Pejabat Daerah Dan Tanah Raub

24 April 2009

Encik Anas bin Mohd Yusof
Penolong Pegawai Daerah
(PTD Gred M41)
Pejabat Daerah Dan Tanah Raub

20 December 2010

Bertarikh 13 April 2012

Dated 13 April 2012

[SUK.Phg/KPP. 004/2.52.4 Jld. 3]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984
(Act 313)

No. 740.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7

NOTIFICATION UNDER SECTION 7

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 100.0 hektar yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5006 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Hutan Simpan Kekal dikenali sebagai Hutan Simpan Jerantut (Tambahan), Mukim Tebing Tinggi, Daerah Jerantut mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 7 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], the State Authority declares that the land comprising an area of 100.0 hectares as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5006, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be permanent reserved forest to be known as Jerantut Permanent Reserved Forest (Additional), Mukim of Tebing Tinggi, District of Jerantut with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 6 April 2012

Dated 6 April 2012

[PTG.Phg.(ML).]

16/015/03/01.2010]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA

BIN SYED ABDUL RAHMAN

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Pahang/

Clerk of Council

State of Pahang

No. 741.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 13

NOTIFICATION UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 99.88 hektar, Mukim Kuala Tembeling, Daerah Jerantut yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 251198, Lot 15131 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi sebahagian daripada Hutan Simpan Som menurut *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 2627-32 yang disiarkan pada 31-8-1918 dikeluarkan daripada hutan simpan tersebut dan bahawa tanah itu tidak lagi menjadi hutan simpan kekal mulai tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1294

[10hb Mei 2012]

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], the State Authority declares that the land measuring an area of 99.88 hectares, Mukim Kuala Tembeling, District of Jerantut, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 251198, Lot 15131 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which is forming part of Som Forest Reserved *vide* the Pahang States Government Gazette No. 2627-32 published on 31-8-1918 be excised from the said reserved forest and that such land shall cease to be a permanent reserved forest with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 6 April 2012

Dated 6 April 2012
[PTG.Phg.(ML).
16/015/03/01.2010]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976 (Act 172)

No. 742.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA DRAFT RANCANGAN TEMPATAN DAERAH RAUB (PENGUBAHAN)

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE DRAFT
OF RAUB DISTRICT LOCAL PLAN (ALTERATION)

Menurut subseksyen 16(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Pahang telah memberi persetujuan pada 22 Jun 2011 kepada Rancangan Tempatan Daerah Raub (Pengubahan).

2. Pemberitahuan *Warta* No. 1321 yang disiarkan pada 6 Disember 2007 dan draf Rancangan Tempatan Daerah Raub (Pengubahan) dikenali sebagai Rancangan Tempatan Daerah Raub (Pengubahan) dan boleh diperiksa di Majlis Daerah Raub dalam waktu pejabat.

Pursuant to subsection 16(3) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the Authority of Pahang has given its assets on 22 June 2011 to the Raub District Local Plan (Alteration).

2. *Gazette* Notification No. 1321 published on 6 December 2007 and draft of Raub District Local Plan (Alteration) is now identified as the Raub District Local Plan (Alteration) and may be inspected at the Raub District Council during office hours.

[JPBD/PHG/C1/47/10800 Bhg. 3]

DATO' HAJI ISMAIL HAJI MOHD ALI
Yang DiPertua
Majlis Daerah
Raub

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 743.

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

Suatu siasatan akan diadakan di Bilik Mesyuarat Unit Pendaftaran, PTG Pahang pada hari Rabu bersamaan 16 Mei 2012 pada jam 2.30 petang berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

Permohonan Hakmilik Pendua (Hilang) bagi hakmilik GRN 9478, Lot 556, Mukim Kuala Tembeling, Daerah Jerantut.

Sesiapapun juga yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Mana-mana orang tersebut boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

Mana-mana orang tersebut boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, untuk penangguhan atau pertukaran tempat, dengan menyatakan—

- (a) sebab-sebab mengapa penangguhan atau pertukaran itu diminta; dan
- (b) sifat dan isi keterangan yang dia mencadang diberi atau dikemukakan.

Bertarikh 17 April 2012
[PTG.Phg. 08/0011/2012-KH]

AHMAD FADZLI ROHIMI BIN SUHAIMI
*Pendaftar Hakmilik Tanah Negeri
Pahang*

TAMBAHAN

Kepada Ah Mooi yang beralamat di 54 Taman Berlian, 27000 Jerantut dan/atau Goh Se Min yang beralamat di 13 Jerantut Ferry, 27000 Jerantut dan/atau Tetuan Kartini & Wong Kian Chung yang beralamat di 7 Tingkat Atas, Jalan Haji Kassim, 28400 Mentakab, Pahang.

Saya ada sebab mempercayai bahawa kamu ada kepentingan dalam hal perkara siasatan ini.

Ambil perhatian bahawa jika kamu tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan maka siasatan itu akan diterus dan disempurnakan dalam ketidakhadiran kamu.

Bertarikh 17 April 2012

AHMAD FADZLI ROHIMI BIN SUHAIMI
*Pendaftar Hakmilik Tanah Negeri
Pahang*

No. 744.

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

Suatu siasatan akan diadakan di Bilik Mesyuarat Unit Pendaftaran, PTG Pahang pada hari Rabu bersamaan 16 Mei 2012 pada jam 10.00 pagi berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

Permohonan Hakmilik Pendua (Hilang) bagi hakmilik H.S.(D) 4573 P.T. 1172, Mukim Triang, Daerah Bera.

Sesiapapun juga yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Mana-mana orang tersebut boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

Mana-mana orang tersebut boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, untuk penangguhan atau pertukaran tempat, dengan menyatakan—

- (a) sebab-sebab mengapa penangguhan atau pertukaran itu diminta; dan
- (b) sifat dan isi keterangan yang dia mencadang diberi atau dikemukakan.

Bertarikh 17 April 2012
[PTG.Phg. 08/0018/2012-SH]

AHMAD FADZLI ROHIMI BIN SUHAIMI
*Pendaftar Hakmilik Tanah Negeri
Pahang*

TAMBAHAN

Kepada Too Kim Chun @ Too Kim Heng dan Too Kim Hock yang beralamat di 1 Jalan 2, Taman Kerayong Jaya, 28300 Triang, Pahang.

Saya ada sebab mempercayai bahawa kamu ada kepentingan dalam hal perkara siasatan ini.

Ambil perhatian bahawa jika kamu tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan maka siasatan itu akan diterus dan disempurnakan dalam ketidakhadiran kamu.

Bertarikh 17 April 2012

AHMAD FADZLI ROHIMI BIN SUHAIMI
*Pendaftar Hakmilik Tanah Negeri
Pahang*

No. 745.

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

Suatu siasatan akan diadakan di Bilik Mesyuarat Unit Pendaftaran, PTG Pahang pada hari Rabu bersamaan 16 Mei 2012 pada jam 11.00 pagi berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

Permohonan Hakmilik Pendua (Hilang) bagi hakmilik H.S.(D) 1628 P.T. 7119, Mukim Gali, Daerah Raub.

Sesiapapun jua yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Mana-mana orang tersebut boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcaria.

Mana-mana orang tersebut boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, untuk penangguhan atau pertukaran tempat, dengan menyatakan—

- (a) sebab-sebab mengapa penangguhan atau pertukaran itu diminta; dan
- (b) sifat dan isi keterangan yang dia mencadang diberi atau dikemukakan.

Bertarikh 17 April 2012
[PTG.Phg. 08/0019/2012-SH]

AHMAD FADZLI ROHIMI BIN SUHAIMI
*Pendaftar Hakmilik Tanah Negeri
Pahang*

TAMBAHAN

Kepada Tetuan The Law Office of Mohd Harris yang beralamat di 20 Tingkat 1, Jalan Lestari Utama, Taman Amalina Lestari, 27600 Raub, Pahang dan/atau Nurul Ain binti Shaary (mewakili Tenaga Nasional Berhad sebagai Pemegang Gadaian) yang beralamat di 129 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur dan/atau Zulkifli bin Awang yang beralamat di Lot 2262, Belakang Klinik Kesihatan, Kg. Beris Panchor, 16020 Tawang, Kota Bharu, Kelantan.

Saya ada sebab mempercayai bahawa kamu ada kepentingan dalam hal perkara siasatan ini.

Ambil perhatian bahawa jika kamu tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan maka siasatan itu akan diterus dan disempurnakan dalam ketidakhadiran kamu.

Bertarikh 17 April 2012

AHMAD FADZLI ROHIMI BIN SUHAIMI
*Pendaftar Hakmilik Tanah Negeri
Pahang*

No. 746.

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1283 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 3027, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 124066 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Kawasan Lapang (Padang Permainan Kanak-Kanak), di Lorong Galing 5, Bandar Kuantan, di bawah Setiausaha Kerajaan Pahang dan diselenggarakan oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area 1283 square metres, known as Lot 3027, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 124066 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Leisured Area (Children Playground), at Lorong Galing 5, Bandar Kuantan, to be under the control of the Pahang State Secretary and to be supervised by the President of Kuantan Municipal Council.

Bertarikh 30 Mac 2012

Dated 30 March 2012
[PTK. 3/5/7 MPK]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 747.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik G.M. 1170 Lot 273 Mukim Ulu Cheka telah hilang dalam simpanan.

JADUAL

Mukim—Ulu Cheka. No. Lot—273. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1170. Luas—1.9197 hektar.

Bertarikh 10 April 2012
[PTJ. 2.06.23/2012]

*Pentadbir Tanah
Jerantut*

No. 748.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui hilang. Surat Akuan Perserahan 52/2012.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—S. Ulu. No. Lot—6034. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1600. Luas—1.538 hektar.

Bertarikh 19 April 2012
[PT.Rb. 4/3/034/2012]

MOHD IQBAL BIN ZAINAL ABIDIN
*b.p. Pentadbir Tanah
Raub*

No. 749.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—Bentong. No. Lot—5565. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 497. Luas—1.179 ekar.

Bertarikh 2 April 2012
[P.T.Btg. 23/B/872]

*Pentadbir Tanah
Bentong*

No. 750.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—Sabai. No. Lot—9389. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 879. Luas—0.8696 hektar.

Bertarikh 2 April 2012
[PT.Btg. 23/S/468]

*Pentadbir Tanah
Bentong*

No. 751.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Suratan hakmilik keluaran telah hilang.

JADUAL

Mukim—Pelangai. No. P.T.—891. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 961. Luas—1.4164 hektar.

Bertarikh 2 April 2012
[PT.Btg. 23/P/442]

*Pentadbir Tanah
Bentong*

No. 752.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Geran hakmilik sementara H.S.(M) 79 P.T. 223 Mukim Tembeling telah hilang dalam simpanan.

JADUAL

Mukim—Tembeling. No. P.T.—223. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 79. Luas—1.3152 hektar.

Bertarikh 17 April 2012
[PTJ. 2.06.24/2012]

*Pentadbir Tanah
Jerantut*

No. 753.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hilang seperti Surat Akuan 581/2012 didaftarkan pada 10 April 2012.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Triang. No. Lot—2068. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 697. Luas—0.2707 hektar.

Bertarikh 19 April 2012
[PT.Bera/4/265/16/12]

*Pentadbir Tanah
Bera*

No. 754.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui hilang. Surat Akuan Perserahan 53/2012.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Gali. No. P.T.—22580. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 11047. Luas—0.691 hektar.

Bertarikh 19 April 2012
[PT.Rb. 4/3/035/2012]

MOHD IQBAL BIN ZAINAL ABIDIN
b.p. Pentadbir Tanah
Raub

No. 755.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Lee Mun Keong yang beralamat di 78 Lorong Seri Kuantan 72, Taman Seri Kuantan, 25250 Kuantan dan/atau A-2578 Lorong Seri Kuantan 16, Perkampungan Seri Kuantan, 25250 Kuantan dan/atau 53 Jalan Wong Ah Jang, 25100 Kuantan dan/atau Ban Loong Supply Sdn. Bhd., Lot 21, In Sector 1, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Kuantan, pada hari (Khamis) bertarikh 31 Mei 2012 jam 3.45 petang di Kamar Bicara, Tingkat Bawah, Unit Pendaftaran.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

10hb Mei 2012]

1303

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—10661. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 6477. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2894/2003. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 12 April 2012
[PTK. 4.5.1.4941 (S)]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan*

No. 756.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohamad Azian bin Jusoh yang beralamat di 30 Lorong Air Putih 6, Taman Klasik, 25300 Kuantan dan/atau 13 Jalan Kampung Padang Jaya 2, Taman Kampung Padang Jaya, Jalan Sungai Lembing, 25200 Kuantan, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai CIMB Islamic Bank Berhad dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Kuantan, pada hari (Rabu) bertarikh 30 Mei 2012 jam 3.30 petang di Kamar Bicara, Tingkat Bawah, Unit Pendaftaran.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—75907. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 18636. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 6790/2009. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 12 April 2012
[PTK. 4.5.1.5086 (S)]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan*

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1304

[10hb Mei 2012]

No. 757.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Di Pejabat Tanah Daerah Lipis, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN

DAN

WAN YAHAYA BIN WAN IDRIS

Kepada Wan Yahaya bin Wan Idris yang beralamat di Kampung Bukit Betong,
27200 Kuala Lipis, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas hakmilik yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 23 Mei 2012 jam 10.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Daerah Lipis. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu Yon. No. P.T.—4759. Jenis dan No. Hakmilik—
H.S.(M) 2962. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—
No. Perserahan 1007/2002. Tarikh 1-10-2002.

Bertarikh 18 April 2012
[PTL.Pen. 15/006/2012]

EZANAZIHA BINTI ABDULLAH
b.p. Pentadbir Tanah
Lipis

No. 758.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Di Pejabat Tanah Daerah Bentong, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

HONG LEONG BANK BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

AIK SENG CHUAN

Penggadai

Kepada Aik Seng Chuan beralamat di Lot 4036, Batu 3, Jalan Lipis, 27600 Raub, Pahang dan/atau C1-12 Blok C, Taman Benus Jaya, 28700 Bentong, Pahang.

Ambil perhatian bahwasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 14 Jun 2012 jam 11.30 pagi di Pejabat Tanah Bentong. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. Lot—15239, Petak 132, Tingkat 1, Bangunan M3. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 879/M3/1/132. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 374/2011. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 9 April 2012
[PT.Btg. 5/B/593 (5)]

SAZALI BIN HAMZAH
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Bentong

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1306

[10hb Mei 2012]

No. 759.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Di Pejabat Tanah Daerah Bentong, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

SOUTHEAST ASIA SPECIAL ASSET
MANAGEMENT BERHAD (SEASAM)

Pemegang Gadaian

DAN

1. MUNIANDY A/L PERUMAL Penggadai-penggadai
2. SANDANA LECHIMY A/P GOVINDASAMY
3. MUNIAMMA A/P KANNAN
4. CHANDRAN A/L KANNAN

Kepada Muniandy a/l Perumal, Sandana Lechimy a/p Govindasamy, Muniamma a/p Kannan, Chandran a/l Kannan beralamat di 13A Taman Karak Jaya, 28600 Karak, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 14 Jun 2012 jam 11.00 pagi di Pejabat Tanah Bentong. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sabai. No. P.T.—3190. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1881. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 195/90, Jilid 32, Folio 89. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 9 April 2012
[PT.Btg. 5/S/591 (5)]

SAZALI BIN HAMZAH
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Bentong

No. 760.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAIN

Saya, Noreah binti Abdul Majid, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 19 Julai 2012 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM220.000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Dua Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM39,115.41. Nama Pemegang Gadaian: Bank Pertanian Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM22,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Dua Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 15 November 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chenor. No. P.T.—13544 dan 13993. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 12517 dan 12518. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1167/2003.

Bertarikh 12 April 2012
[PTM. 4/3/0002/(2010)]

*Pentadbir Tanah
Maran*

No. 761.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Rokiah binti Mansor, Pentadbir Tanah Jerantut, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang tak dipecahkan yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 20 Jun 2012 jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Tanah Jerantut; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM70,000.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada Bank Islam (M) Berhad pada tarikh ini ialah RM72,045.78. Nama Pemegang Gadaian: Bank Islam (M) Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM7,000 (Ringgit Malaysia: Tujuh Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih dari satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 18 Oktober 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Pedah. No. Lot—7213. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2166. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1610/2004. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 21 Mac 2012
[PTJ. 2.7.29/2011]

*Pentadbir Tanah
Jerantut*

No. 762.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Rokiah binti Mansor, Pentadbir Tanah Jerantut, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang tak dipecahkan yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 20 Jun 2012 jam 11.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Jerantut; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM330,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Tiga Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad pada tarikh ini ialah RM358,444.24. Nama Pemegang Gadaian: Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM33,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tiga Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih dari satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 18 Oktober 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Pedah. No. Lot—4491. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1528. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1179/2005. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Mac 2012
[PTJ. 2.7.02/2012]

*Pentadbir Tanah
Jerantut*

No. 763.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Rokiah binti Mansor, Pentadbir Tanah Jerantut, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang tak dipecahkan yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Jun 2012 jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Tanah Jerantut; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM495,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Sembilan Puluh Lima Ribu sahaja).

2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada Public Bank Berhad pada tarikh ini ialah RM191,131.00. Nama Pemegang Gadaian: Public Bank Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM49,500.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Sembilan Ribu Lima Ratus sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih dari satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 25 Oktober 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Pulau Tawar. No. PT.—173-58. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 106. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 819/2007. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

No. 764.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Rokiah binti Mansor, Pentadbir Tanah Jerantut, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang tak dipecahkan yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Jun 2012 jam 11.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Jerantut; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM440,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Empat Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada Public Bank Berhad pada tarikh ini ialah RM191,131.00. Nama Pemegang Gadaian: Public Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM44,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Empat Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih dari satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 25 Oktober 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Pulau Tawar. No. Lot—2810. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2613. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 820/2007. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 28 Mac 2012
[PTJ. 2.7.05/2012]

*Pentadbir Tanah
Jerantut*

No. 765.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Noor Atikah binti Mokhtar, Penolong Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 5 Disember 2012 jam 10.00 pagi bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM120,000.00.
